



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (30 NOVEMBER 2022)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia menyambut baik inisiatif baharu Kerajaan Negeri Sabah untuk mewujudkan sebuah pusat perlindungan sementara yang menyediakan latihan asas kemahiran hidup bagi kanak-kanak jalanan yang kebanyakannya dari komuniti Pala'u di Kota Kinabalu, di mana ia bakal dimulakan pada hujung tahun ini.

Selaras mandat di bawah Seksyen 4 Akta SUHAKAM 1999 iaitu untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia, SUHAKAM telah meneliti isu individu tidak bernegara ini selama bertahun-tahun. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh SUHAKAM adalah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) untuk bekerjasama menambahbaik taraf hidup individu tidak bernegara di Sabah.

Ketakbernegeraan mengakibatkan kesan buruk kepada kanak-kanak. Kanak-kanak tanpa dokumen sentiasa didiskriminasi dan dalam beberapa keadaan, hak asasi mereka dinafikan kerana mereka tidak mendapat akses kepada pendidikan formal, rawatan perubatan serta mereka menghadapi risiko lebih tinggi menjadi mangsa buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia. Mereka juga berisiko ditangkap atau ditahan oleh pihak berkuasa, lebih-lebih lagi jika mereka dilihat mengemis atau berlegar-legar di kawasan awam. Selaras dengan Perkara 2 Konvensyen mengenai hak Kanak-kanak (CRC), yang mana Malaysia adalah penandatangani, adalah menjadi tanggungjawab Negara untuk melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk diskriminasi. Negara juga mempunyai kewajiban untuk melindungi hak kanak-kanak kepada nama dan identiti seperti yang dinyatakan dalam Perkara 7 dan 8 CRC.

Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengandungi perlindungan undang-undang yang kukuh terhadap ketakbernegeraan dan dengan inisiatif ini, SUHAKAM berharap Malaysia maju ke arah mempergiat usaha untuk mengurang atau menamatkan ketakbernegeraan kanak-kanak. SUHAKAM akan terus menasihati, memantau dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk mencapai kadar penyelesaian aduan yang lebih baik khususnya mengenai isu-isu yang berkaitan dengan ketakbernegeraan di negeri Sabah.

**-TAMAT-**

**Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad**  
**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**  
**30 November 2022**

*Pertanyaan media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-26125687/019-6215336 atau melalui emel [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)*

***"Hak Asasi untuk Semua"***

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600



**KENYATAAN MEDIA**  
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

---

***“Hak Asasi untuk Semua”***

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600